

Program: FEAUM Charity Walk 2016

Tarikh: 14 Mei 2016 (Sabtu)

Tempat: Bangunan Canseleri Universiti Malaya

Dengan kerjasama: Malaysian Advocates for Cerebral Palsy (MyCP) dan Jabatan Perubatan Pemulihan PPUM

Program Jalan Kaki Amal FEP ini dilaksanakan bersempena dengan sambutan Ulangtahun Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran yang ke-50. Program ini merupakan salah satu usaha pihak fakulti dalam mempromosikan nilai kesukarelawanan dan keprihatinan di kalangan warga Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran. Sikap ini dilihat penting dalam menjana masyarakat yang sentiasa berempati dan serta mempunyai kesedaran tentang keperluan masyarakat.

Pihak Fakulti telah memilih Malaysian Advocates for Cerebral Palsy sebagai rakan penganjur untuk program ini. MyCP merupakan sebuah badan bukan kerajaan yang aktif menjalankan program berkaitan kesedaran berkenaan 'cerebral palsy' di kalangan ibubapa yang mempunyai anak-anak penghidap 'cerebral palsy'. Usaha sama ini dilihat selain dapat menanam nilai kesukarelawanan, dapat juga meningkatkan kesedaran tentang 'cerebral palsy' di kalangan masyarakat umum dan komuniti Universiti Malaya. Seramai 258 orang peserta telah mengambil bahagian dalam program ini terdiri daripada pelajar dan staf Universiti Malaya dan juga orang awam. Bilangan ini tidak termasuk ahli keluarga MyCP.

Di samping acara jalan kaki amal, sesi perkongsian pengalaman juga telah dilakukan melibatkan 3 orang penghidap cerebral palsy iaitu Fakhru Hakimi, Rajvin Kaur, dan Mastura yang masing-masing telah berjaya menamatkan pengajian di peringkat ijazah. Sdri Mastura kini sedang melanjutkan pengajian beliau di peringkat doktor falsafah. Selain itu, pihak Jabatan Perubatan Pemulihan PPUM turut mengadakan sesi penerangan tentang cerebral palsy serta telah menghantar sepasukan seramai 30 orang sukarelawan terdiri daripada pelajar perubatan untuk sama-sama membantu menjayakan program ini. Program ini telah dirasmikan oleh YBhg Prof Dr Noor Azina Ismail, Dekan Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya dan turut dihadiri oleh Ketua Jabatan Perubatan Pemulihan PPUM. Hadiah untuk peserta telah ditaja oleh SDC

Family Resources. Semua hasil kutipan daripada jalan kaki amal serta jualan amal pada hari tersebut disalurkan kepada MyCP.